

**Kereta nasional ketiga: Malaysia rangka kerjasama dengan Toyota, Nissan -
Tun Mahathir
Astro Awani
7 Ogos 2018
Harits Asyraf Hasnan**

KUALA LUMPUR: Kerajaan Malaysia akan mendapatkan bantuan daripada pengeluar kereta Jepun seperti Nissan Motor dan Toyota Motor dalam usaha mewujudkan kenderaan nasional ketiga, memetik laporan Nikkei Asian Review.

Dalam lawatan empat hari ke Fukoka, Jepun, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata menjadi 'kewajipan' untuk mendapatkan kepakaran Jepun bagi memenuhi piawai moden pembuatan kereta masa kini.

"Beberapa anggota delegasi saya akan melawat Daihatsu, tetapi kami ada satu syarikat yang telah menulis surat kepada Nissan dan Toyota untuk menjalinkan kerjasama," kata Dr Mahathir tanpa mendedahkan nama syarikat itu. Daihatsu Motor merupakan hak milik penuh Toyota Motor.

Bagaimanapun, usaha membangunkan projek kereta nasional ketiga itu mencetuskan pelbagai perdebatan.

Sesetengah pemain industri menegaskan jualan tahunan kenderaan Malaysia yang kurang dari 600,000 unit tidak mewakili skala ekonomi yang diperlukan untuk pengeluaran.

Proton, projek pertama yang dibangunkan Dr Mahathir semasa menggalas jawatan sama 35 tahun lalu, sebahagian sahamnya dijual kepada pengeluar China, Zhejiang Geely Holding selepas prestasi buruk meskipun beberapa dekad menerima bantuan kerajaan.

Pembuat kereta kebangsaan kedua Syarikat Otomobil Kedua atau Perodua adalah usaha sama dengan syarikat Jepun, termasuk Daihatsu.

Dalam ucapan beliau di hadapan sekumpulan pelajar sekolah menengah yang

menghadiri kem musim panas Japan Future Leaders School, Dr Mahathir menyifatkan kereta elektrik yang mesra alam sebagai pilihan masa depan.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kereta-nasional-ketiga-malaysia-rangka-kerjasama-dengan-toyota-nissan-tun-mahathir-182461>